

Bajet 2017 mencabar

SHAH ALAM - Bajet 2017 bakal menjadi belanjawan yang mencabar kerana ia dilaksanakan di era pertumbuhan ekonomi dunia yang sangat perlahan.

Penganalisis Ekonomi dari Sekolah Perniagaan Putera, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, negara pula dijangka hanya mengalami pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak empat peratus sejak awal tahun ini.

Menurutnya, dalam usaha kerajaan mengurangkan kos sara hidup menjelang Bajet 2017, pemantauan harga barang perlu sentiasa dijalankan dan kadar inflasi perlu dikawal.

"Aktiviti ekonomi perlu sentiasa dirancakkan dengan polisi dan dasar kerajaan serta galakan dan imbuhan kepada industri untuk berkembang dan berdaya saing bukan sahaja di peringkat nasional malah global. Apabila ekonomi semakin rancak, peluang pekerjaan akan meningkat dan membantu rakyat menangani kos sara hidup," ujarnya.

Katanya, begitu juga dengan gesaan supaya kementerian berkaitan mengawal harga rumah kerana harga kebanyakan rumah yang dikategorikan sebagai rumah mampu milik masih tinggi.

"Harga material pembinaan, tanah dan peruntukan kuota untuk rumah mampu milik kepada setiap syarikat mesti dipantau. Kerajaan juga mesti mencari alternatif pembiayaan perumahan," katanya.

Katanya, alternatif yang sesuai ialah melantik agensi kerajaan menguruskan pemilikan rumah menggunakan sistem ijarah atau sewa sambil membeli.